

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 25/01/2019
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : Orion sasar 30-40 peratus sumbangan perolehan daripada portal MyAzZahra

Orion sasar 30-40 peratus sumbangan perolehan daripada portal MyAzZahra

Tarikh kemaskini: 25/01/2019



KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) – Penyedia penyelesaian perniagaan dan teknologi kewangan, Orion IXL Bhd menyasarkan sumbangan perolehan antara 30 dan 40 peratus tahun ini daripada sistem MyAzZahra yang baru dilancarkan.

MyAzZahra, merupakan portal sistem permohonan pinjaman dalam talian elektronik, yang dibangunkan untuk koperasi dan koperasi anggota Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Orion, Mohamad Shaharul Mohamad Shariff berkata portal itu, yang dilancarkan hari ini, dijangka digunakan oleh sekurang-kurangnya 200,000 anggota pelbagai koperasi dalam tempoh setahun, dengan nilai pinjaman yang diproses melebihi RM1 bilion pada 2019 dan meningkat kepada RM3 bilion pada 2020.

“Sistem itu secara berperingkat akan mendigitalkan keseluruhan perkhidmatan dan produk yang disediakan, termasuk proses pinjaman dan potongan gaji, membolehkan Angkasa mempertingkatkan kecekapan pemprosesan permohonan pinjaman dan perkhidmatan lain.

“Koperasi lain di bawah Angkasa juga boleh menggunakan portal ini sekiranya mahu mengiklankan produk dan perkhidmatan mereka,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran portal itu oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof di sini.

Mohamad Shaharul, yang juga pengarah MyAngkasa Az Zahra Sdn Bhd berkata pihaknya merancang untuk memperluas perkhidmatan portal itu dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang kepada segmen perniagaan-kepada-perniagaan pada fasa kedua dan seterusnya mempunyai pasaran sendiri di fasa ketiga.

Portal itu dijangka menjana perolehan RM20 juta hingga RM30 juta tahun ini, katanya.

MyAngkasa Az Zahra merupakan syarikat usaha sama khas yang ditubuhkan oleh anak syarikat Angkasa – MyAngkasa Holdings Sdn Bhd – dan syarikat sekutu Orion, Sukaniaga Sdn Bhd, untuk menjalankan projek sistem MyAzZahra ini.

Sukaniaga memiliki 75 peratus kepentingan dalam syarikat usaha sama itu manakala MyAngkasa memegang bakinya sebanyak 25 peratus.

Setakat 30 Jun, 2018, Angkasa, terdiri daripada 14,094 koperasi di bawahnya, yang mempunyai kira-kira 6.5 juta anggota dengan aset keseluruhan bernilai RM140 bilion dan perolehan tahunan RM40.24 bilion.

-- *BERNAMA*